

'Kerat empat pun *ambo* tak masuk parti Dr. Mahathir'

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah menegaskan beliau tidak akan menyertai Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) yang diterajui bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Tegasnya, perjuangan bersama UMNO sudah sebatang dengan jiwanya sejak sekian lama dan beliau tidak akan sesekali meninggalkan parti itu hanya kerana pernah berbeza pendapat dengan pimpinan parti.

"Kerat empat pun *ambo* takkan masuk parti Dr. Mahathir. Ambo rela mati dalam UMNO," katanya dalam ucapan ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Gua Musang di Bukit Cekati, di sini semalam.

Tengku Razaleigh berkata demikian sebagai reaksi terhadap



TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

pelbagai desakan supaya beliau keluar daripada UMNO berikutan tindak-tanduknya baru-baru ini yang dilihat sebagai 'sekapal'

dengan Dr. Mahathir.

Dalam sidang akhbar selepas itu, Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi Jemaah Penasihat

UMNO menjelaskan, beliau bersama Dr. Mahathir kerana ingin memperjuangkan pentingnya keabsahan kerajaan ditentukan.

Tindakan beliau itu katanya, bukan satu kesalahan kerana tidak bertentangan dengan dasar UMNO.

"Saya ahli UMNO. Sebagai seorang ahli politik takkan saya semudah itu nak tukar parti, walaupun saya ini kenalan baik Dr. Mahathir. Lagi pun dia rapat dengan saya dari dulu lagi," katanya.

Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak pernah ada agenda lain kecuali benar-benar serius mahu membantu rakyat ketika keadaan politik negara tidak stabil dan masalah ekonomi berpanjangan.

"Pelabur luar tidak datang ke negara kita untuk melabur kerana tidak yakin kepada pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri," katanya.